

Ruj. Kami : ANM(T)MEL/03/68 JLD.3(3)  
Tarikh : Mei 2019  
Bersamaan : Syaaban 1440H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Ketua Pusat Pembayar**

Tuan,

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PERIBADI BAGI TUJUAN PENGIRAAN  
POTONGAN CUKAI BERJADUAL (PCB) MULAI 2019**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa PTJ boleh mengemaskini maklumat peribadi untuk jumlah tanggungan setiap pegawai bagi tahun 2019. Pengemaskinian ini perlu dilaksanakan bagi memastikan jumlah pelepasan ke atas tanggungan pegawai adalah betul dan tepat.

3. Sehubungan itu, kerjasama tuan adalah diminta untuk mengedarkan **Borang Mengemaskini Maklumat Peribadi** bagi Tujuan Pengiraan PCB seperti di **Lampiran A** kepada semua kakitangan di jabatan/pejabat tuan untuk dilengkapkan. Kegagalan mengemukakan dokumen ini menyebabkan bilangan tanggungan bagi pegawai yang terlibat tidak akan dikemaskini dan akan memberi kesan kepada jumlah Potongan Cukai Berjadual (PCB) yang dikenakan kepada pegawai pada setiap bulan.

4. Kerjasama Ketua Jabatan di peringkat negeri adalah dipohon untuk memanjangkan makluman ini kepada Pusat Pembayar Gaji di bawah kawalan masing-masing. Sila berhubung dengan pegawai kami, Encik Mohd Haizan Bin Kadis / Puan Raudzah Binti Bahrin / Puan Norfaizan Binti Mohd Noor di talian 06-289 5003 / 5066 / 5064 sekiranya memerlukan maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI  
JANM, NEGERI MELAKA  
2 MEI 2019**

**No. Tel :06-289 5066**

**No. Faks :06-234 5207**

**Email :[pneg\\_mlk@anm.gov.my](mailto:pneg_mlk@anm.gov.my) / [gaji\\_mlk@anm.gov.my](mailto:gaji_mlk@anm.gov.my) /  
[upd\\_mlk@anm.gov.my](mailto:upd_mlk@anm.gov.my) / [ukpp\\_mlk@anm.gov.my](mailto:ukpp_mlk@anm.gov.my)**